



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

JUMAAT, 19 JANUARI 2024

LAPORAN HARIAN





UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

19/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	PERAK ADAKAN MESYUARAT KHAS TELITI KELUARGA TINGGAL RUMAH DAIF	
	https://www.sinarharian.com.my/article/645086/edisi/perak/perak-adakan-mesyuarat-khas-teliti-keluarga-tinggal-rumah-daif	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1051624/jkm-salur-bantuan-kepada-dua-beranak-hidup-di-unit-flat-sampah-najis	HMETRO.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/01/18/dua-beranak-hidup-dalam-rumah-penuh-sampah-najis-dibela-jkm/	KOSMO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1201611/jkm-akan-bantu-dua-beranak-tinggal-dalam-sampah-najis	BHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-beranak-serba-daif-ibu-akan-dipindah-ke-jkm-mb-perak-454634	ASTROAWANI.COM
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/jkm-salur-bantuan-segera-kepada-dua-beranak-hidup-dalam-sampah-najis-di-ipoh	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/dua-beranak-serba-daif-ibu-akan-dipindah-ke-jkm-mb-perak/	BULETINTV3.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=cFmDhwibgvs	YOUTUBE
	https://thesun.my/local_news/jkm-channels-aid-to-man-and-mother-living-in-squalor-in-ipoh-AA11998549	THESUN.MY
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kerajaan-perak-terus-bantu-dua-beranak-daif	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/mesyuarat-khas-teliti-kes-keluarga-kurang-berkemampuan-di-kawasan-daif/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.nst.com.my/news/nation/2024/01/1002933/filth-shelter-perak-mb-orders-swift-relocation-family-living-squalor	NST.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=54m6AoArMxs	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
2	ZIARAH: NORAINI DOA AGAR LATIPAH DIPERMUDAH SEGALA URUSAN, DIBERI KESEMBUHAN SEGERA	
	https://umno-online.my/2024/01/18/ziarah-noraini-doa-agar-latipah-dipermudah-segala-urusan-diberi-kesembuhan-segera/	UMNO-ONLINE.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

19/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
3	LELAKI RAKAM AKSI SEKS DENGAN 20 WANITA, JUAL VIDEO LUCAH KENA TAHAN	

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1051890/lelaki-rakam-aksi-seks-dengan-20-wanita-jual-video-lucah-kena-tahan>

HMETRO.COM.MY

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1201948/saudagar-gila-seks-rakam-aksi-tiduri-lebih-20-wanita-jual-video>

BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	WANITA CEDERA MANGSA AMUKAN BEKAS SUAMI	

<https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/wanita-cedera-mangsa-amukan-bekas-suami/>

UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	PROGRAM MENTOR WANITA CUKUP BERANI MAGGI® BINA KEYAKINAN WANITA	

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/program-mentor-wanita-cukup-berani-maggi-bina-keyakinan-wanita-454529>

ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
6	LELAKI TULAR BUAT GANGGUAN SEKSUAL DITAHAN	

<https://www.sinarharian.com.my/article/645095/berita/semasa/lelaki-tular-buat-gangguan-seksual-ditahan>

SINARHARIAN.COM.MY

<https://malaysiagazette.com/2024/01/18/lelaki-didakwa-melakukan-serangan-lucah-ditahan-polis/>

MALAYSIAGAZETTE.COM



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

19/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
7	DUA BERADIK HILANG: SUSPEK KURUNG, CABUL, LIWAT REMAJA LELAKI DITAHAN	
	https://www.sinarharian.com.my/article/644988/berita/semasa/dua-beradik-hilang-suspek-kurung-cabul-liwat-remaja-lelaki-ditahan	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/video/2024/01/remaja-hilang-dakwa-kena-cabul-liwat-dalam-hotel/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/645109/berita/semasa/individu-dipercayai-cabul-remaja-lelaki-diberkas	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/cabul-remaja-seorang-lelaki-dituduh-di-mahkamah-esok-kp-kuala-lumpur/	BULETINTV3.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=ko7e094_cPA	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=JM8NWD0XxxE	YOUTUBE
	https://www.kosmo.com.my/2024/01/18/remaja-hilang-dakwa-kena-cabul-liwat-dalam-hotel-2/	KOSMO.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1051882/remaja-hilang-suspek-laku-amang-seksual-polis	HMETRO.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/01/18/dua-beradik-hilang-suspek-42-tahun-dituduh-esok/	KOSMO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1201964/kes-remaja-hilang-mangsa-tidak-diliwat-tidak-dicederakan	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	'KALAU DAH SUKA SESEORANG BUATLAH DENGAN CARA BETUL' - HAKIM	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1201696/kalau-dah-suka-seseorang-buatlah-dengan-cara-betul-hakim	BHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1051689/kalau-kamu-suka-seseorang-buat-cara-betul-hakim-mahkamah-sesyen	HMETRO.COM.MY



Perak adakan mesyuarat khas teliti keluarga tinggal rumah daif



Saarani bercakap kepada pemberita pada Khamis.

IPOH - Satu mesyuarat khas akan diadakan bagi meneliti keperluan dan kebijakan keluarga kurang berkemampuan yang tinggal di kediaman daif di negeri ini, kata Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad.

Beliau berkata, mesyuarat berkenaan akan dipengerusikan Setiausaha Kerajaan Negeri bersama agensi berkaitan bagi memastikan kes melibatkan dua beranak yang hidup dipenuhi sampah sarap dan takungan najis di Rumah Pangsa Taman Silibin, di sini tidak berulang.

"Ini berkaitan dengan kemanusiaan dan menjadi tanggungjawab kerajaan negeri untuk melihat rakyatnya berada dalam suasana yang perlu diperbetulkan.

"Jika ada keluarga yang harap hidup atas bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atau Baitulmal semata-mata, tetapi dalam masa sama perlu menyewa rumah, apa yang mereka boleh peroleh.



Keadaan ruang tamu unit rumah yang didiami dua beranak di Rumah Pangsa Taman Silibin ketika tinjauan pada Khamis.

"Jadi ini antara perkara yang perlu kita lihat secara menyeluruh, dalam hal ini kerajaan negeri tidak akan lepas tangan begitu sahaja atau menuding jari kepada orang lain melainkan kita rasa kalau ini boleh berlaku di sini, maka perkara sama boleh berlaku di tempat lain," katanya selepas mengadakan lawatan ke Rumah Pangsa Taman Silibin di sini pada Khamis.

Kisah kehidupan Erwan Dahari, 46, bersama ibunya Miram Kadir, 77, yang tinggal dalam rumah usang dan keadaan serba daif mendapat perhatian umum selepas dilaporkan media.



Saarani ketika meninjau keadaan kediaman yang menjadi tempat tinggal dua beranak di Rumah Pangsa Taman Silibin dekat Ipoh pada Khamis.

Susulan itu, JKJ telah meluluskan dua bentuk bantuan bulanan iaitu skim Bantuan Am Negeri berjumlah RM400 dan Bantuan Warga Emas RM500 bagi meringankan beban.

JKM turut menyerahkan tabung bantuan segera (TBS) kepada Erwan yang tidak lagi bekerja kerana mengalami kemurungan.

Dalam perkembangan sama, Saarani berkata, JKJ telah mengambil inisiatif memindahkan segera wanita warga emas terabit ke institusi jabatan itu bagi tujuan keselamatan.

Katanya, JKJ turut menawarkan Erwan tinggal di Anjung Singgah Perak kelolaan Yayasan Kebajikan Negara (YKN), namun menolak dan mahu kekal tinggal di flat itu.



Keadaan bilik mandi yang dipenuhi kongkongan sampah sarap.

"Mereka tinggal dalam satu unit rumah yang tidak diketahui siapa tuannya. Kebersihan dalam rumah ini sangatlah teruk dengan sampah-sarap, kotoran dan najis kucing.

"Kita tak boleh terima keadaan ini dan atas sebab itu, JKJ ambil tindakan segera untuk pindahkan warga emas ini agar kita dapat memantau tahap kesihatan termasuk makan minumannya," katanya.


Sementara itu, jiran Nor Suraya Sakunthala Abdullah, 53, bersyukur apabila kehidupan dua beranak itu mendapat perhatian dan tindakan sewajarnya.

Katanya, keadaan dua beranak itu semakin teruk sejak setahun lalu apabila warga emas berkenaan uzur dan anaknya pula terpaksa berhenti kerja atas alasan mahu menjaga ibunya.



Ruang memasak turut dipenuhi kucian kotor.

"Setiap kali saya masuk rumah mereka, mak cik (Miram) mesti menangis mengenangkan keadaan rumahnya yang sebegitu, walaupun telah menasihati anaknya supaya dibersihkan, keadaan rumah masih sama," katanya.



Ziarah: Noraini Doa Agar Latipah Dipermudah Segala Urusan, Diberi Kesembuhan Segera

📅 18 January 2024 📁 Berita Utama



MASJID TANAH, 18 Jan – Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Ketua Wanita UMNO, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad mendoakan agar bekas Ketua Wanita UMNO Negeri Melaka, Datuk Latipah Omar dipermudahkan segala urusan dan diberikan kesembuhan segera.

Jelasnya, beliau turut menzahirkan rasa syukur apabila melihat keadaan kesihatan Latipah yang semakin baik.



"...yang sentiasa ada adalah semangat untuk terus berbakti kepada parti, agama, bangsa dan negara. Tahun lepas, ketika mula-mula mendapat berita Datuk Latipah Omar dimasukkan ke hospital, saya dan rakan-rakan singgah untuk menziarahi dan melihat sendiri keadaan beliau.

"Semalam, kami sekali lagi berkesempatan singgah di rumah beliau yang terletak Tanjung Bidara, Masjid Tanah, Melaka. Alhamdulillah keadaan beliau semakin baik," katanya menerusi hantaran di laman Facebooknya.

Menurutnya, beliau turut menyampaikan salam daripada Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang mendoakan agar beliau terus sihat dan dapat bersama dalam program parti.


"Saya turut menyampaikan salam dari Presiden yang mendoakan agar beliau terus sihat dan dapat kembali bersama dalam program parti.

"Didoakan semoga dipermudahkan segala urusan perubatan dan diberi kesembuhan segera buat beliau," katanya.



Terdahulu, beliau hadir di Universiti Teknikal Melaka (UTeM) bagi memenuhi jemputan Naib Canselor UTeM ke Majlis Pelancaran Program 'TVET Place & Train UTeM@KPT' yang disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

'TVET Place & Train UTeM@KPT' adalah satu gerbang kebolehpasaran graduan yang boleh disifatkan sebagai sebuah program bernilai tinggi kerana ianya melibatkan 4 platform utama termasuk JELITA UTeM@KPT. – *UMNO Online*



Lelaki rakam aksi seks dengan 20 wanita, jual video lucah kena tahan

Safeek Affendy Razali
safeek@bh.com.my



GAMBAR hiasan.

Kuala Lumpur: Seorang lelaki tempatan yang menjalankan aktiviti menjual video lucahnya melakukan hubungan seks dengan lebih 20 wanita pelbagai bangsa menerusi laman sosial, ditahan di Janda Baik, Pahang, petang semalam.

Suspek berusia 31 tahun itu ditahan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Maksiat, Judi dan Kongsi Gelap (D7), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman di sebuah rumah di Kampung Janda Baik, Bentong, Pahang, pada 2.30 petang.

Dalam serbuan sama, polis menahan dua teman wanitanya berusia 23 dan 27 tahun di rumah yang turut didiami oleh bapa lelaki terbabit.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain, berkata suspek lelaki itu dikesan melalui hasil maklumat dan risikan JSJ Bukit Aman mengenai kegiatan mempromosikan aktiviti seks dirinya sendiri yang dirakam dan dijual untuk tontonan di platform Telegram.

Katanya, siasatan awal mendapati suspek utama yang pernah dua kali berkahwin dan bercerai memulakan aktiviti menjual dan mempromosikan ubat kuat seks dari China menerusi platform media sosial, sejak awal tahun lalu.

"Demi mengaut keuntungan lebih tinggi, suspek kemudian mempelajari cara baharu merakam video dia melakukan hubungan seks ganas dengan teman wanitanya sebelum menjual adegan berkenaan dalam tiga saluran di aplikasi Telegram, sejak Julai tahun lalu.

"Tidak hanya teman wanita, suspek juga yang disyaki mempunyai latar belakang seorang gigolo atau lelaki upahan, turut menduri sebahagian pelanggan wanita dalam saluran aplikasi Telegram berkenaan," katanya kepada BH, di sini, hari ini.

Mohd Shuhaily berkata, modus operandi yang digunakan adalah dengan mengajak pelanggan melanggan menerusi pautan promosi yang diiklankan dalam aplikasi Telegram oleh suspek sebelum urusan pembayaran dipersetujui.

"Selepas pembayaran dibuat, suspek akan menghantar pautan kepada pelanggan untuk terus menonton video lucah yang dilakukan dan dirakam suspek sendiri.

"Siasatan juga mendapati setakat kelmarin (16 Januari) suspek mempunyai 2,051 pelanggan untuk pakej 200 video dengan bayaran RM100 dan 622 pelanggan untuk pakej RM20 sebulan bagi 13 video.

"Semua pelanggan aplikasi ini adalah rakyat Malaysia daripada golongan lelaki miang dan wanita kesunyian yang memiliki kerjaya dalam bidang profesional seperti doktor, usahawan dan sektor korporat," katanya.

Beliau berkata, ada antara wanita terbabit yang mempunyai keinginan menduri suspek turut ditawarkan syarat supaya hubungan intim dirakam untuk jualan seterusnya.

"Pada masa ini suspek dan dua teman wanitanya yang ditahan turut dikesan melakukan aksi lucah dalam video seks yang dijual selain berusaha mengesan wanita lain yang turut terbabit dalam puluhan rakaman video yang dikesan.

"Polis menemui semua aksi rakaman suspek melalui rampasan lima telefon bimbit milik suspek dan dua teman wanitanya. selain dua kad ATM yang digunakan sebagai akaun langganan," katanya.

Pagi tadi, suspek bersama dua teman wanitanya dibenarkan ditahan reman selama lima hari oleh Mahkamah Sesyen Jalan Duta, di sini, dan kes disiasat mengikut Seksyen 372 (1)(e) Kanun Keseksaan atas kesalahan mempromosi aktiviti seks untuk mendapatkan keuntungan dan boleh dihukum penjara 19 tahun, sebatan dan denda sekiranya disabitkan kesalahan.

Seksyen 292 Kanun Keseksaan atas kesalahan memiliki bahan lucah yang boleh dihukum penjara sehingga tiga tahun serta Seksyen 233 Akta Komunikasi Multimedia 1998 atas kesalahan menyalahgunakan kemudahan rangkaian telekomunikasi.

Mohd Shuhaily berkata, kes seperti ini adalah yang pertama kali dikesan berlaku di negara ini dan harus dibanteras secara besar-besaran kerana dikhuatiri boleh menyebabkan keruntuhan moral dalam kalangan masyarakat.



Wanita cedera mangsa amukan bekas suami



IBU PEJABAT POLIS DAERAH (IPD) TAWAU

Oleh SURAIDAH ROSLAN 18 Januari 2024, 1:42 pm

TAWAU: Seorang lelaki ditahan polis setelah bertindak **menumbuk** dan memukul bekas isterinya sehingga cedera dalam kejadian di Kampung Bombalai Laut pada Selasa.

Dalam kejadian kira-kira 12.01 pagi itu, mangsa yang berusia 42 tahun itu mengalami kecederaan dan lebam di bahagian dagu.

Ketua Polis Daerah Tawau, Asisten Komisioner Jasmin Hussin berkata, kejadian berlaku apabila mangsa dan bekas suaminya terlibat dalam pertengkaran sebelum lelaki warga asing berusia 37 tahun itu bertindak menumbuk dan memukul mangsa.

Difahamkan bekas suami mangsa menumbuknya di bahagian dagu sebanyak dua kali dan memukul dagu sebelah kiri pengadu menggunakan batang penyedut hampagas.


"Berdasarkan siasatan, pertengkaran berlaku disebabkan suspek beranggapan mangsa dan anak saudaranya berpakat untuk mengenakannya.

"Akibat kejadian itu, mangsa mengalami lebam di bahagian dagu dan calar di bahagian bawah dagu sebelah kiri," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Jasmin berkata, suspek ditangkap pada hari yang sama pada pukul 9.35 malam di sebuah rumah tidak bernombor di kampung berkenaan.

Katanya, turut dirampas adalah sebatang besi penyedut hampagas yang dipercayai digunakan sebagai senjata untuk memukul mangsa.

Jelas beliau, suspek ditahan reman bagi membantu siasatan dan kes disiasat di bawah Seksyen 324/326A Kanun Keseksaan. –UTUSAN



Program Mentor Wanita Cukup Berani MAGGI® bina keyakinan wanita

Astro Awani

Januari 18, 2024 12:15 MYT



Program Mentor Wanita Cukup Berani MAGGI® memperoleh platform yang bersumber untuk golongan wanita dalam perkongsian pengalaman, pertukaran idea dan pertumbuhan bersama untuk mencipta impak positif yang berkekalan dalam masyarakat Malaysia.

KUALA LUMPUR: Program Mentor Wanita Cukup Berani MAGGI® bukan hanya memberikan pengetahuan dan kemahiran kepada peserta tetapi juga memperkasakan golongan wanita melalui pembinaan keyakinan diri untuk mencapai kejayaan.

Menurut pengarah (influencer) dan pembimbing modul bengkel Online Wanita Cukup Berani Maggi, Nana Mahazan, melalui program ini, peserta bukan sahaja mendapat inspirasi untuk mencuba sesuatu yang baru tetapi juga dapat menjadi sumber inspirasi bagi orang di sekeliling mereka.

"Saya membayangkan pada masa depan, komuniti wanita akan menjadi lebih teguh dan pebuk keyakinan yang saling menyokong.

"Program Mentor Wanita Cukup Berani MAGGI® memperoleh platform yang bersumber untuk golongan wanita dalam perkongsian pengalaman, pertukaran idea dan pertumbuhan bersama untuk mencipta impak positif yang berkekalan dalam masyarakat Malaysia," katanya ketika ditemubual dalam program AWANI Pagi pada Khamis.

Dalam pada itu, Pengurus Pemasaran Kulineri MAGGI, Ida Low berkata Program Mentor Wanita Cukup Berani MAGGI® yang dilancarkan pada tahun 2020 bertujuan untuk memberi inspirasi dan memperkasakan golongan wanita agar mereka berani keluar dari zon selesa dan mencuba sesuatu yang baru.

"Program Mentor Wanita Cukup Berani MAGGI® juga menyediakan Bengkel Wanita Cukup Berani MAGGI® yang dijalankan dengan usahasama Google, TikTok, dan Meta,

"Ia bagi membantu meningkatkan keyakinan diri wanita, mengasah kemahiran memasak dan membantu mereka menjadikan makanan sebagai sumber pendapatan," jelas Ida.

Dalam masa yang sama, Bengkel Digital juga disediakan untuk membantu dalam mendigitalisasikan perniagaan peserta melalui penciptaan kandungan digital berkaitan makanan.

Resipi Berani MAGGI® pula adalah rancangan televisyen daripada Program Mentor Wanita Cukup Berani MAGGI® yang mendokumenkan transformasi diri bagi memberi inspirasi kepada lebih ramai wanita di luar sana untuk mencuba sesuatu yang baharu dan perkasakan diri melalui makanan.

Tonton Musim ke-3 Resipi Berani MAGGI® secara langsung bermula 14 Januari hingga 4 Februari atau di saluran YouTube MAGGI® Malaysia.



Lelaki tular buat gangguan seksual ditahan



Tangkap layar video tular memaparkan perbuatan lelaki tersebut yang didakwa melakukan gangguan seksual terhadap seorang wanita di Kota Damansara.

PETALING JAYA - Seorang lelaki diberkas dipercayai melakukan gangguan seksual terhadap wanita dalam kejadian di kawasan Kota Damansara di sini pada Isnin.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Mohamad Fakhruddin Abdul Hamid berkata, siasatan dijalankan susulan pihaknya mengesan video tular melibatkan kejadian berkenaan kira-kira jam 4.37 petang, 15 Januari lalu.

"Siasatan mendapati kejadian terbabit tular menerusi klip video di aplikasi X memaparkan mangsa diganggu suspek yang menaiki sebuah motosikal sambil melakukan onani.

"Semakan kemudiannya mendapati tiada laporan dibuat mangsa sebelum mangsa kemudiannya tampil membuat laporan polis kira-kira jam 6.20 petang pada 16 Januari lalu," katanya menerusi kenyataan pada Khamis.



Mohamad Fakhruddin

Katanya, susulan itu satu tangkapan dijalankan melibatkan lelaki warga tempatan di Apartmen Indah, Damansara Damai pada 16 Januari.

"Suspek diberkas berumur 23 tahun dipercayai terlibat dalam kes berkenaan.

"Antara peralatan dirampas bersama suspek melibatkan sehelai baju, seluar pendek, sepasang kasut getah, satu rangkaian kunci dan sebuah motosikal," katanya. Menurutnya, semakan mendapati suspek tidak memiliki sebarang rekod jenayah lampau.

"Ujian saringan air kencing yang dijalankan mendapati suspek bebas daripada pengaruh dadah.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 377D Kanun Keseksaan," katanya.



Dua beradik hilang: Suspek kurung, cabul, liwat remaja lelaki ditahan



Datuk Allaudeen Abdul Majid

KUALA LUMPUR - Polis menahan seorang lelaki dipercayai terlibat dalam kes dua beradik dikurung yang dilaporkan hilang selepas keluar dari kediaman mereka di Taman Bernam Jaya, Selangor, sejak 1 Januari lalu.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Allaudeen Abdul Majid berkata, laporan diterima pihaknya daripada seorang remaja berusia 16 tahun pada jam 2.48 pagi, 12 Januari lalu.

Katanya, remaja itu memaklumkan perbuatan cabul dan diliwat oleh seorang individu di sebuah hotel di Jalan Sultan dekat sini.

"Bertindak atas maklumat, risikan pihak polis telah berjaya menahan individu berusia 42 tahun itu yang dipercayai terlibat dalam kes tersebut di hadapan sebuah hotel di lokasi kejadian.

"Suspek telah direman tujuh hari sehingga 19 Januari untuk siasatan di bawah Seksyen 377C Kanun Keseksaan kerana melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii tanpa kerelaan serta Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Allaudeen menegaskan, dalam siasatan kes ini, pihak polis mendapati remaja lelaki tersebut bukan diculik sebagaimana dilaporkan.

Sebaliknya, jelas beliau, remaja itu telah keluar dari rumahnya di Hulu Bernam, Selangor dan terdapat siasatan berkenaan kes ini.

"Siasatan kes ini masih berjalan dan pihak polis menyeru orang ramai untuk memberikan kerjasama dan menyalurkan maklumat berhubung kejadian ini di talian Hotline Polis Kuala Lumpur 03- 21159999 atau mana-mana balai polis berhampiran," katanya.

Sebelum ini, Sinar Harian melaporkan seorang daripada dua beradik lelaki yang dilaporkan hilang pada 1 Januari lalu mendakwa dikurung dalam sebuah motel di Jalan Petaling, Kuala Lumpur oleh individu tidak dikenali.

Malah, remaja berusia 16 tahun yang berjaya melarikan diri itu mendakwa selama dikurung bersama adiknya selain diperlakukan tidak baik sebelum dipisahkan pada 9 Januari lalu.

Difahamkan, usaha mengesan adik mangsa berusia 15 tahun itu masih dijalankan pihak polis.

'Kalau dah suka seseorang buatlah dengan cara betul' - Hakim

Oleh Alias Abd Rani - Januari 18, 2024 @ 12:34pm
bhnews@bh.com.my



MUAR: "Kalau kamu suka dengan seseorang, buat cara betul. Pada usia kamu ini, patutnya lebih tumpu bantu keluarga dahulu," demikian nasihat Hakim Mahkamah Sesyen Abu Bakar Manat, sebelum menjatuhkan hukuman penjara tiga tahun dan dua sebatan terhadap seorang mekanik, hari ini.

Hukuman itu dikenakan terhadap tertuduh, Muhammad Syahfizul Fazly Za'ba, 24, selepas mengaku bersalah melakukan amang seksual terhadap kenalannya yang ketika itu baru berusia 13 tahun, pada Ogos 2020.

Tertuduh bekerja sebagai mekanik ketika ini menjalani hukuman tiga tahun penjara di Penjara Sungai Udang, Melaka atas kesalahan sama, selepas Mahkamah Sesyen Batu Pahat pada November 2022 mendapati dia bersalah pada akhir pembelaan kes itu.

Selepas mengaku bersalah, Mahkamah Sesyen di sini menjatuhkan hukuman penjara tiga tahun dan dua sebatan.

Namun, mahkamah memutuskan hukuman penjara itu berjalan serentak dengan tarikh sabitan dikenakan di Mahkamah Sesyen Batu Pahat iaitu 14 November 2022. Ini bermakna tertuduh hanya perlu menjalani hukuman sebatan.

Pada 22 Jun tahun lalu, dia dituduh di mahkamah sama di sini, atas pertuduhan melakukan amang seksual terhadap kenalannya dengan kejadian itu berlaku di hadapan sebuah kompleks di Sungai Balang, dekat sini antara jam 8 hingga 9 malam, 19 Ogos 2020.

Tertuduh mengaku tidak bersalah dan memohon dibicarakan. Bagaimanapun, tertuduh menukar pengakuan bersalah selepas representasi dihantar oleh peguam kepada pihak pendakwa dan hakim diterima.

Pendakwa dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir sementara tertuduh diwakili Syafiee Naim.

Dalam penghakimannya, Abu Bakar memberitahu, hukuman dikenakan bukan untuk menyusahkan tertuduh, sebaliknya memberi pengajaran kepadanya agar tidak mengulangi kesalahan sama pada masa akan datang.

"Kamu sudah melakukan kesalahan dan mahkamah perlu menjatuhkan hukuman. Apa pengajaran yang kamu dapat sepanjang menjalani hukuman sebelum ini?"

"Dalam kes ini, mangsa masih kanak-kanak dan tidak elok kamu memperlakukan sedemikian terhadapnya," katanya.



Muhammad Syahfizul Fazly dijatuhkan hukuman penjara tiga tahun dan dua sebatan selepas mengaku melakukan amang seksual ke atas kenalannya, empat tahun lalu. NSTP/Alias Abd Rani



TAJUK : LELAKI JUAL RAKAMAN TIDURI LEBIH 20 ANITA DIREMAN LIMA HARI

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 19 JAN 2024

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Lelaki jual rakaman tiduri lebih 20 wanita direman lima hari

Suspek sedia pakej 200 video lucah untuk langganan di Telegram

Oleh Safeek Affendy Razali
safeek@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seorang lelaki tempatan yang menjalankan aktiviti menjual video lucahnya mengadakan hubungan seks dengan lebih 20 wanita dalam kalangan pelbagai bangsa, menerusi laman sosial ditahan di Janda Baik, Pahang, petang kelmarin.

Suspek berusia 31 tahun itu ditahan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Maksiat, Judi dan Kongsi Gelap (D7), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman di sebuah rumah di Kampung Janda Baik, Bentong, Pahang, pada jam 2.30 petang.

Dalam serbuan sama polis menahan dua teman wanitanya berusia 23 dan 27 tahun di rumah yang turut didiami bapa lelaki terbabit.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain, berkata suspek lelaki itu dikesan melalui hasil maklumat dan risikan JSJ Bukit Aman tentang kegiatan mempromosikan aktiviti seks dirinya sendiri yang dirakam dan dijual untuk tontonan di platform Telegram.

"Siasatan awal mendapati suspek utama yang pernah dua kali berkahwin dan bercerai memulakan aktiviti menjual dan mempromosikan ubat kuat seks dari negara China menerusi platform media sosial sejak awal tahun lalu.

"Demi untuk mengaut keuntungan lebih tinggi, suspek ini kemudian mempelajari cara baharu merakam video dia berhubungan seks ganas dengan teman wanitanya sebelum menjual adegan berkenaan dalam tiga saluran (channel) di aplikasi Telegram, sejak Julai tahun lalu.

"Tidak hanya teman wanita, suspek yang disyaki mempunyai latar belakang seorang gigolo atau lelaki upahan, turut meniduri sebahagian pelanggan wanita dalam saluran aplikasi Telegram berkenaan," katanya kepada *BH*, di sini, semalam.



Mohd Shuhaily Mohd Zain

2,051 pelanggan

Mohd Shuhaily berkata, modus operandi yang digunakan adalah menekan dan melanggan menerusi pautan promosi yang diiklankan dalam Telegram oleh suspek sebelum urusan pembayaran dipersetujui.

"Setelah pembayaran dibuat, suspek menghantar pautan kepada pelanggan untuk terus menonton video lucah yang dilakonkan dan dirakam suspek sendiri.

"Siasatan juga mendapati setakat kelmarin (16 Januari) suspek mempunyai 2,051 pelanggan untuk pakej 200 video dengan bayaran RM100 dan 622 pelanggan untuk pakej RM20 sebulan bagi 13 video.

"Semua pelanggan aplikasi ini adalah rakyat Malaysia daripada golongan lelaki miang dan wanita kesunyian yang memiliki kerjaya dalam bidang profesional seperti doktor, usahawan dan sektor korporat," katanya.

Beliau berkata, ada antara wanita terbabit yang mempunyai keinginan untuk meniduri suspek turut ditawarkan syarat supaya hubungan intim dirakam untuk jualan seterusnya.

"Pada masa ini suspek dan dua teman wanitanya yang ditahan turut dikesan melakukan aksi lucah dalam video seks yang dijual, selain berusaha mengesan wanita lain yang turut terbabit dalam puluhan rakaman video yang dikesan.

"Polis menemui semua aksi rakaman suspek melalui rampasan lima telefon bimbit milik suspek dan dua teman wanitanya selain dua kad ATM yang digunakan sebagai akaun langganan," katanya.

Pagi semalam, suspek bersama dua teman wanitanya dibenarkan ditahan reman lima hari oleh Mahkamah Sesyen Jalan Duta, di sini dan disiasat mengikut Seksyen 372 (1)(e) Kanun Keseksaan




Polis menahan seorang lelaki bersama dua teman wanita di Janda Baik, Pahang serta merampas bukti berkaitan kes merakam dan menjual aksi seks, kelmarin. (Foto ihsan PDRM)

atas kesalahan mempromosikan aktiviti seks untuk mendapatkan keuntungan dan boleh dihukum penjara selama 19 tahun, sebatan dan denda sekiranya disabitkan kesalahan.

Seksyen 292 Kanun Keseksaan atas kesalahan memiliki bahan lucah yang boleh dihukum penjara sehingga tiga tahun serta Seksyen 233 Akta Komunikasi Multimedia

1998 atas kesalahan menyalahgunakan kemudahan rangkaian telekomunikasi.

Mohd Shuhaily berkata, kes seperti ini adalah yang pertama kali dikesan berlaku di negara ini dan harus dibanteras secara besar-besaran kerana dikhuatiri boleh merosakkan akhlak dan menyebabkan keruntuhan moral di kalangan masyarakat.



TAJUK : PERKASA JKM SIAP SEDIA MENUJU NEGARA TUA 2030

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 19 JAN 2024

M/SURAT : 13

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Perkasa JKM siap sedia menuju negara tua 2030

Andi
Sukmawati
Andi Suming,
Universiti
Malaysia
Terengganu

Isu kemiskinan dalam kalangan warga emas menjelaskan betapa kurangnya kesedaran dan pengetahuan mengenai kepentingan merancang kewangan. Apatah lagi jumlah warga emas di Malaysia ketika ini 4.1 juta atau 12.5 peratus daripada keseluruhan populasi dengan anggaran pertambahan kepada 15.3 peratus menjelang 2030.

Sayangnya, dianggarkan 2.3 juta atau 56 peratus daripada warga tua di negara kita pada masa kini tidak dilindungi skim pencen kerajaan atau swasta dan skim insurans. Hanya sekitar 25 peratus daripada keseluruhan populasi itu adalah penerima pencen kerajaan.

Pada 2019, analisis dilakukan Prof Madya Dr Zumilah Zainaludin daripada Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi data mikro Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah mendapati 5,197 warga emas berada dalam isi rumah miskin.

Memburukkan lagi hal ini apabila Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mendedahkan, peratusan ahlinya yang mempunyai tahap simpanan rendah kritikal meningkat 48 peratus selepas pandemik COVID-19 berbanding hanya 28 peratus sebelumnya.

Berdasarkan statistik juga KWSP mendedahkan 6.1 juta pencarum kini mempunyai simpanan kurang RM10,000 yang memberi isyarat kemungkinan kemelut kemiskinan pada usia tua.

Justeru, kerajaan dan semua pihak yang bertanggungjawab perlu mengambil langkah segera bagi menangani isu kemiskinan dalam kalangan warga emas.

Antara usaha yang boleh dilakukan adalah dengan melaksanakan Skim Pencen Warga Emas. Skim ini bertujuan melindungi semua penduduk Malaysia berumur 65 tahun dan ke atas yang tidak menerima sebarang pencen kerajaan atau swasta.

Skim itu juga diharap mampu berperanan me-

ningkatkan kualiti hidup warga emas, sekali gus membolehkan mereka menjalani usia tua dengan lebih baik.

90 peratus warga emas mampu berdikari

Dalam konteks bantuan kepada warga emas juga, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) cukup berperanan. Misalnya sehingga Ogos tahun lalu, JKM memperuntukkan RM569,748,840 kepada 143,499 penerima bantuan warga emas yang layak.

Berdasarkan kadar semasa yang menyaksikan jangka hayat manusia semakin meningkat, media melaporkan Malaysia kini sedang menuju sebagai status negara tua menjelang 2030. Justeru, persiapan awal bagi menangani fenomena ini seharusnya diperkemas dan agensi seperti JKM perlu terus diperkasakan.



Dalam hal ini juga pandangan Zumilah agak menarik untuk dilihat. Katanya, 90 peratus warga emas di negara ini mampu untuk berdikari serta berusaha bagi menguruskan kehidupan tua mereka dengan baik hanya 10 peratus yang memerlukan bantuan daripada JKM iaitu bagi pesakit yang terlantar.

Hal ini dikatakan demikian kerana sesetengah warga emas boleh menyumbang tenaga dengan melakukan kerja yang bersesuaian dengan kemampuan mereka.

Misalnya, seorang bekas guru boleh mengajar kelas tambahan kepada pelajar di kawasan kejirannya. Selain itu, seorang profesor boleh menulis artikel ilmiah yang bersesuaian dengan bidangnya supaya tulisan beliau dapat menjadi rujukan oleh masyarakat umum.

Sehubungan dengan itu, golongan warga tua yang mempunyai kemahiran boleh melakukan pekerjaan seperti bertukang, melukis atau menjahit untuk menambah sumber rezeki mereka.

Sumbangan yang diberikan mungkin kelihatan kecil, namun ilmu yang mereka sumbangkan amat berguna dan diperlukan dalam membantu membangunkan negara dan masyarakat. Perkara ini sekali gus membuka mata generasi muda untuk menjadikan golongan warga emas ini sebagai panduan dan sebagai teladan dalam mencorakkan dasar negara.

Bagaimanapun, diakui terdapat sebahagian warga emas dapat melapangkan dada dan menghabiskan sisa usia dengan tenang, di luar sana masih terdapat sebilangan yang lain perlu bekerja keras untuk terus hidup.

Masih ada yang bekerja sebagai pengawal keselamatan misalnya dengan kadar gaji kurang menarik. Namun kerana perlu meneruskan hidup mereka tidak ada pilihan. Justeru, bantuan kepada kumpulan ini perlulah dibuat dengan bersungguh-sungguh.



TAJUK : 'JIKA SUKA, BUAT CARA BETUL'

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 19 JAN 2024

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

'Jika suka, buat cara betul'



MUHAMMAD Syahfizul Fazly dijatuhi hukuman penjara tiga tahun dan dua sebatan selepas mengaku bersalah.

Mekanik laku amang seksual terhadap remaja 13 tahun dijel tiga tahun, dua sebatan

Oleh Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

Muar

“Kalau kamu suka dengan seseorang, buat cara betul. Pada usia kamu ini, patut lebih tumpu bantu keluarga dahulu,” demikian nasihat Hakim Mahkamah Sesyen Abu Bakar Manat, sebelum menjatuhkan hukuman penjara tiga tahun dan dua sebatan terhadap seorang mekanik, semalam.

Hukuman itu dikenakan terhadap tertuduh, Muhammad Syahfizul Fazly Za'ba, 24, selepas mengaku bersalah melakukan amang seksual terhadap kenalannya yang ketika itu berusia 13 tahun pada Ogos 2020.

Tertuduh menjalani hukuman tiga tahun penjara di Penjara Sungai Udang, Melaka atas kesalahan sama, selepas Mahkamah Sesyen Batu Pahat pada November 2022 mendapati dia bersalah di akhir pembelaan kes itu.

Kedua-dua pertuduhan itu didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara

sehingga 20 tahun dan juga boleh dikenakan sebatan.

Selepas mengaku bersalah, Mahkamah Sesyen di sini, menjatuhkan hukuman penjara tiga tahun dan dua sebatan.

Namun, mahkamah memutuskan hukuman penjara itu berjalan serentak dengan tarikh sabitan dikenakan di Mahkamah Sesyen Batu Pahat iaitu pada 14 November 2022.

Ini bermakna tertuduh hanya perlu menjalani hukuman sebatan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir sementara tertuduh diwakili Syafiee Naim.


Dalam penghakimannya, Abu Bakar memberitahu, hukuman dikenakan bukan untuk menyusahkan tertuduh sebaliknya memberi pengajaran kepadanya agar tidak mengulangi kesalahan sama pada masa akan datang.

“Kamu melakukan kesalahan dan mahkamah perlu menjatuhkan hukuman. Apa pengajaran yang kamu dapat sepanjang menjalani hukuman sebelum ini?”

“Dalam kes ini, mangsa masih kanak-kanak dan tidak elok kamu memperlakukannya sedemikian terhadapnya,” katanya.



TAN didakwa



TAJUK : MANGSA DAKWA DICABUL

HARI : JUMAAT


AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 19 JAN 2024

M/SURAT : 01&08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



2 BERADIK HILANG DITEMUI MANGSA DAKWA DICABUL

Selepas mangsa berusia 17 tahun yang hilang dari surau di Taman Bernam Jaya, Hulu Bernam, ditemui pada 11 Januari lalu, adiknya yang berusia 16 tahun disahkan turut ditemui.

'Minta tolong jaga muka anak saya, keselamatan kami'

Hulu Selangor: Keluarga dua beradik lelaki yang dilaporkan hilang dari surau di Taman Bernam Jaya, Hulu Bernam, di sini, 1 Januari lalu, bergegas meninggalkan kediaman mereka, semalam.

Tindakan mereka menyebabkan wartawan yang membuat tinjauan terpinga-pinga, apatah lagi rata-rata mereka menunggu untuk mendapatkan reaksi berhubung penemuan kedua-dua remaja masing-masing berusia 16 dan 17 tahun itu.

Bagaimanapun, ibu mangsa berusia 39 tahun kemudian tampil bertemu pengamal media di luar pekarangan rumahnya.

"Alhamdulillah. Syukur Along dan Angah sudah selamat (dijumpai). Cuma minta tolong demi keselamatan saya dan keluarga kerana kami dalam keadaan tidak tahu apa-apa.

"Insya-Allah lepas ini kita jumpa lagi. Saya kena cepat, minta maaf sangat kerana ada urusan nak ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) terdekat (IPD Hulu Selangor)," katanya.

Wanita itu turut merayu supaya wartawan

dan masyarakat menjaga maruah kedua-dua anak lelakinya selain tidak mendedahkan nombor pendaftaran keretanya.

"Minta tolong jaga muka anak saya. Keselamatan kami sangat-sangat penting termasuklah kereta kami. Minta tolong (elak dedah).

"Saya faham anda cukup faham apa terjadi. Terima kasih atas segala doa, segala bantuan yang sudah ditolong (sebak). Sekali lagi mohon maaf," katanya.

"Alhamdulillah. Syukur Along dan Angah sudah selamat (dijumpai). Cuma minta tolong demi keselamatan saya dan keluarga kerana kami dalam keadaan tidak tahu apa-apa. Insya-Allah lepas ini kita jumpa lagi"

Dua beradik hilang lepas Subuh ditemui

Hulu Selangor: Remaja lelaki berusia 16 tahun yang dilaporkan hilang bersama abangnya dari surau di Taman Bernam Jaya, Hulu Bernam, di sini, pada 1 Januari lalu ditemui selamat, semalam.

Ketua Polis Daerah Hulu Selangor Superintendan Ahmad Faizal Tahrir ketika dihubungi mengesahkan penemuan itu.

"Ya, sudah ditemui. Nanti saya kongsikan kenyataan media secara rasmi," katanya ringkas menerusi aplikasi WhatsApp.

Media sebelum ini melaporkan dua beradik lelaki dilaporkan hilang pada pagi 1 Januari lalu selepas pulang dari solat Subuh di surau.

Pada 11 Januari lalu, abangnya yang berusia 17


tahun ditemukan dalam keadaan tidak bermaya di Stesen LRT Pasar Seni, Kuala Lumpur.

Ibu mangsa berusia 39 tahun dilaporkan berkata, anaknya yang mesra dengan panggilan Along mendakwa dia dan adiknya dilarikan individu tidak dikenali dan dikurung di sebuah motel di Jalan Petaling, Kuala Lumpur.

Kelmarin, Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Alaudeen Abdul Majid dilaporkan berkata, pihaknya menerima laporan kejadian itu daripada seorang remaja berusia 17 tahun, 12 Januari lalu.

Beliau berkata, mangsa mendakwa dicabul dan diperlakukan perkara tak senonoh oleh seorang individu di sebuah hotel di Jalan Petaling.

Mangsa dakwa dilarikan individu tidak dikenali



TAJUK : HOPE PLACE SUPPORTS MAN SUFFERING FROM TRAUMATIC BRAIN INJURY

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 19 JAN 2024

M/SURAT : 09

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



Hope Place representative (right) poses with the family after presenting the special milk supplements and adult diapers to them recently.

Hope Place supports man suffering from traumatic brain injury

KUCHING: Hope Place responded to a distress call from a needy family whose breadwinner has been bedridden due to traumatic brain injury (TBI).

According to a press release David Sidi, 44, has been suffering from TBI since November 2022 following a tragic motorcycle accident that left him bedridden and unconscious for over a year.

"A distressed lady contacted Hope Place Kuching recently requesting for urgent help for her family residing at Kampung Batu Gong.

"Burie, 34, who is caring for her bedridden husband and three school-age children, has nowhere to turn to, and with expenses also increasing, she is at wits' end.

"Her husband suffering from TBI has been using a suction machine and tube-feeding at home," said Hope Place in the statement.

The non-governmental organisation (NGO) said David used to be an excavator who earned decent income for his family of five. Now, the family has to depend on the social welfare's monthly assistance

of RM500 and Social Security Organisation (Socso)'s help after the tragic accident.

"Burie is having financial difficulties since she has two kids attending primary and secondary schools, and the youngest who will start kindergarten soon. Her elderly mother also contributes by planting some vegetables at their place for extra income," added the NGO.

Burie said that her husband's frequent episodes of epilepsy had weakened his body, especially his legs.

Hope Place is supporting David, who needs to consume special milk supplements every three hours, with the needed milk supplements and also adult diapers.

The NGO is also supporting the two children by providing them school supplies and helping pay the school bus fees.

Individuals can donate directly to Hope Place's Maybank account at 511289001160 or visit its Facebook page for the S Pay Global QR code.

For more information, call Hope Place on 082-505987.



TAJUK : NEWBORN BOY FOUND ALIVE IN ROADSIDE BRUSH

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 19 JAN 2024

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Newborn boy found alive in roadside brush

BELAGA: A newborn baby boy was found alive in roadside brush along KM1 Jalan Bukit Jayong, Belaga on Tuesday.

Belaga police chief DSP Jimbai Bala said police were informed of the discovery by members of the public at 4pm.

"Acting on the information, the police rushed to the scene and found a baby still alive, wrapped in cloth," he said in a statement yesterday.


He said the baby was taken to the Belaga Health Clinic for a checkup.

"Based on the medical examination, the baby boy weighing 2.9kg is believed to have been born less than 24 hours when he was found in good condition," Jimbai said.

He added the baby has been referred to Bintulu Hospital for further treatment and placed in the Special Care Nursery Unit for monitoring, and will be referred to the Welfare Department for further action.

"An investigation has been opened under Section 317 of the Penal Code, which carries seven years imprisonment, or a fine, or both upon conviction," he said.

Jimbai urged members of the public with any information on the baby to contact the Belaga District police headquarters on 086-461318 or investigating officer Insp Junior Majulai on 010-9432942.



TAJUK : ELDERLY WOMAN RELOCATED TO WELFARE HOME

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 19 JAN 2024

M/SURAT : 13

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Elderly woman relocated to welfare home

By **IVAN LOH**
ivanloh@thestar.com.my

IPOH: An elderly woman who lives with her son in deplorable conditions at the Taman Silibin Flats here will be sent to a welfare home, says Datuk Seri Saarani Mohamad.

The Perak Menteri Besar said the woman's 46-year-old son, Erwan Dahari, has agreed to send her to a home where she will be cared for by the state Social Welfare Department (JKM).

"We managed to persuade the son to allow his mother, whom he has been caring for, to be sent to a welfare institution.

"The JKM will look after her," Saarani told reporters after visiting the family yesterday.

The case came to light after sev-

eral news outlets reported that Erwan and his mother, Miram Kadir, 77, were living in a unit at the flats filled with rubbish, cats and animal faeces.

Erwan had previously sought treatment for stress and was classified as a person with a mental disability.

He quit his job as a factory worker about seven years ago to care for his mother, who has dementia, full-time.

Both he and his mother have been surviving on the RM500 in baitulmal aid that Miram gets every month from the Perak Islamic Religious Council and Malay Customs.

On Wednesday, Perak social welfare committee chairman Datuk Salbiah Mohamed said a monthly sum of RM900 in welfare

aid would be given to the mother and son.

Saarani said their home is not suitable for living, and their plight is something that should not have happened.

"The home can attract snakes, rats and other creepy crawlies and pose a health and safety risk to other residents too," he said.

As for Erwan, Saarani said he prefers to remain at the unit to look after his cats.

"We asked him to stay at a half-way house, but he wants to continue living at the unit to look after his pets.

"We won't force him to move on the condition that the unit must be cleaned up and sanitised so that it is livable," he added.

Saarani stated that State Secretary Datuk Ahmad Suaidi




Dire condition: Saarani (right) speaking with Erwan (in T-shirt) in the latter's home at the Silibin Flats in Ipoh, Perak. — RONNIE CHIN/The Star

Abdul Rahim will preside over a special meeting to look into cases of underprivileged families who are living in miserable situations.

"I believe this is not the only incident in Perak. It's a matter of

humanity and the responsibility of the state government.

"We may not be able to resolve all cases, but we will see how we can handle the matter holistically," he said.



TAJUK : EX-HUSBAND NABBED AFTER HITTING WOMAN

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 19 JAN 2024

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Ex-husband nabbed after hitting woman

KOTA KINABALU: A woman sustained injuries to her face after she was allegedly punched by her ex-husband in Tawau.

The suspect was also said to have hit the woman with a vacuum cleaner rod during the incident at Kg Sungai Imam on Wednesday (Jan 17).

Tawau OCPD Asst Comm Jasmin Hussin said, according to a report lodged by the victim, her ex-husband had gone to her house and accused her of scheming against him with her relative.

“The man went to his ex-wife’s house and an argument started there. He was said to have started punching her twice under her jaw and beating her following the quarrel,” he said in a statement on Wednesday, adding that the suspect was nabbed at 9.35pm the same day and the vacuum cleaner rod was also seized.



TAJUK : AID FOR MOTHER, SON LIVING IN SQUALOR

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE SUN DAILY

TARIKH : 19 JAN 2024

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Aid for mother, son living in squalor

IPOH: The Kinta District Social Welfare Office will approve two forms of aid amounting to RM900 per month to a man and his mother who are living in squalor in a flat littered with rubbish and excrement in Taman Silibin.

Perak Women, Family, Social Welfare, Entrepreneur and Cooperatives Development Committee chairman Datuk Salbiah Mohamed said State General

Assistance scheme aid amounting to RM400 will be given to Erwan Dahari, 46, as well as Senior Citizen Assistance of RM500 to his mother Miram Kadir, 77.

She said additional aid was also provided to Erwan, who is categorised as a mentally disabled person.

"The Social Welfare Department, in collaboration with NGO Pertubuhan Puteri Kebajikan, will

locate a rental house that is more suitable for the man and his mother.

"The assistance of RM900 a month, including Baitulmal's assistance of RM500, will enable the two to live in a more comfortable place," she said in a statement.


Salbiah said Erwan suffered from mild depression and did not allow his mother to be admitted to a welfare home.

The media previously reported

the two of them were living in a house filled with rubbish and faeces for the past seven years.

Erwan, who is the second of three children, said he was willing to quit working at a factory to take care of his mother.

He said the current Baitulmal assistance of RM300 was not enough as he had to pay RM250 in house rent, in addition to utility bills and buying food. – Bernama



TAJUK : PENGHUNI MIRI METHODIST CHILDREN'S HOME DISANTUNI

HARI : JUMAAT

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 19 JAN 2024

M/SURAT : 06

ZONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



KONGSI REZEKI: Jong (kiri) dan Yii menyampaikan sumbangan kepada penghuni di Miri Methodist Children's Home pada kunjungan sempena Tahun Baharu Cina.

Penghuni Miri Methodist Children's Home disantuni

MIRI: Kelab Lions Batu Niah dan Shun Shen Lee Trading (Miri) Sdn Bhd baru-baru ini mengadakan kunjungan ke Miri Methodist Children's Home sempena sambutan Tahun Baharu Cina yang bakal diraikan bulan depan.

Kunjungan berkenaan telah disertai oleh Presiden Kelab Lions Batu Niah Andy Jong dan Pengurus Shun Shen Lee Trading (Miri) Sdn

Bhd Jimmy Yii yang turut menyampaikan sumbangan kepada penghuni di rumah kebajikan terbabit.

Sumbangan yang disampaikan berupa sepuluh kampak 10 kilogram beras dan angpau yang diagihkan kepada kanak-kanak di rumah terbabit bagi berkongsi rezeki serta keceriaan sempena Tahun Baharu Cina.

Kunjungan dan sum-

banggan berkenaan diharapkan membantu meringankan beban perbelanjaan, selain menceriaikan para penghuni yang terdiri daripada kanak-kanak agar mereka tidak berasa tersisih semasa musim perayaan.

Pada masa sekarang, Miri Methodist Children's Home menempatkan 14 kanak-kanak berserta tujuh petugas.